

PERCUMA

BULETIN BANDARAYA

OKTOBER, 2021

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA



**MBSJ Siap Siaga
Hadapi Musim
Tengkujuh**



ISI KANDUNGAN



3 MBSJ SIAP SIAGA HADAPI MUSIM TENGGUJUH

4 MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BERSAMA NESTLE PRODUCTS SDN. BHD. DAN KPT RECYCLE SDN. BHD. BAGI PROGRAM KUTIPAN KITAR SEMULA (KAEDAH PINTU KE PINTU)

6 SAMBUTAN ULANG TAHUN PERTAMA MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

8 POLISI ANTI RASUAH MBSJ KEKANG KEGIATAN RASUAH

10 WARNA WARNI KOMUNITI



11 TAHUKAH ANDA?

12 POSTER

SIDANG REDAKSI

PENAUNG:

Y.Brs. TPr. Puan Noraini Binti Roslan S.I.S.,PPT
Datuk Bandar

PENASIHAT:

Tn. Hj. Mohd Zulkurnain Bin Che Ali A.M.N.,A.M.S
Timbalan Datuk Bandar

KETUA EDITOR:

Encik Azfarizal Bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah (Korporat)

EDITOR:

Encik Mohamad Junus Bin Baharom
Penolong Pengarah (Kanan) Korporat

SIDANG EDITORIAL:

Puan Noor Sabrina Binti Samsudin
Puan Saharani Binti Ismail

PEREKA GRAFIK

Siti Marlina Binti Chek Long
Khairul Bin Rosli
Muhammad Shahrhan Hanief Bin Shahrulzaman

JURUGAMBAR:

Encik Mohd Ferdaus Bin Khazali
Encik Mohd Fazli Bin Osman

EDARAN BULETIN:

Puan Farah Izwani Binti Ahmad
Encik Fazli Bin Naiman



MBSJ Siap Siaga Hadapi Musim Tengkujuh

Seramai 35 anggota Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) MBSJ telah menyertai sesi latihan dan ujicuba peralatan bantuan kecemasan di Lombong Puchong Timah, pada 13 Oktober 2021 yang lalu sebagai persiapan menghadapi monsun timur laut yang dijangka bermula awal November sehingga Mac 2022 akan datang. Sesi latihan ini turut mendapat kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA).

YBhg. TPr. Noraini Binti Roslan, Datuk Bandar MBSJ turut meluangkan masa meninjau sesi latihan ini serta membuat pemeriksaan terhadap peralatan bantuan kecemasan dan bencana. Turut serta, Tuan Mohd Zulkurnain Bin Che Ali, Setiausaha MBSJ serta PKPgB Muhammad Azizulhakim Bin Idris, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat.

Datuk Bandar MBSJ memaklumkan, Pasukan PANTAS MBSJ telah mempertingkatkan keupayaan logistik serta tenaga kerja bagi menguruskan bencana banjir dan membantu orang ramai sekiranya berlaku.

"Dengan ketibaan musim monsun timur laut yang dijangka bermula awal November sehingga Mac 2022, pasukan PANTAS MBSJ telah bersedia dengan logistik serta tenaga kerja yang diperlukan bagi menguruskan bencana banjir di 19 lokasi hotspot banjir,"

"Pasukan PANTAS juga akan sentiasa bersiap siaga di Pusat Kawalan dan Panggilan (Command Centre) MBSJ untuk memberikan bantuan kecemasan sekiranya terdapat kejadian tanah runtuh mahupun banjir," ujarnya.

Beliau menambah pasukan PANTAS juga telah mengenalpasti laluan terpantas untuk sampai ke lokasi kejadian sekiranya terjadi bencana.

Seterusnya, bagi meminimalkan risiko bencana semasa musim tengkujuh, selain mengenalpasti 19 lokasi titik panas banjir, MBSJ juga telah mengarahkan kontraktor yang terlibat untuk memastikan sistem saliran sentiasa diselenggara mengikut jadual bagi mengelakkan kejadian banjir.

"Kawasan Serdang merupakan salah satu kawasan titik panas banjir kerana ianya merupakan kawasan tanah rendah di mana air yang mengalir dari Kajang dan Lebuh raya PLUS memasuki Sungai Kuyoh yang sangat memerlukan penaiktarafan,"

Datuk Bandar MBSJ memaklumkan sungai tersebut perlu dilebarkan dan didalamkan bagi menampung hujan lebat dan MBSJ merancang untuk mewujudkan satu kawasan tadahan berhampiran Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk mengatasi masalah banjir tersebut dan kini ianya masih di fasa perbincangan.

Selain daripada projek tersebut, MBSJ juga telah mengambil langkah memeriksa aset-aset lain seperti kenderaan, khemah dan lain-lain serta dewan dan balai masyarakat yang berpotensi untuk dijadikan pusat pemindahan sementara jika berkemungkinan berlaku sesuatu kejadian bencana sekaligus memastikan ianya berada dalam keadaan siap siaga apabila ingin digunakan.

MBSJ juga turut mengaktifkan bilik gerakan bencana di Pusat Kawalan dan Panggilan (Command Centre) MBSJ yang beroperasi dari jam 8.00 pagi sehingga 10.00 malam, tertakluk kepada arahan kerajaan negeri. Pusat ini juga sentiasa memantau sistem amaran paras air di empat lokasi dan berkongsi maklumat amaran di platform media sosial MBSJ.

Sebagai makluman, sepanjang Januari sehingga September 2021 sebanyak 85 kes kecemasan dan bencana berlaku di bawah pentadbiran MBSJ yang meliputi bencana banjir kilat (15 kes), tanah runtuh (6 kes), pokok tumbang (54 kes) serta lain-lain bencana (10 kes).



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU)

Majlis Bandaraya Subang Jaya Bersama Nestlé Products Sdn. Bhd. dan KPT Recycle Sdn. Bhd. bagi Program Kutipan Kitar Semula (kaedah pintu ke pintu)

Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) terus memperkukuh pelaksanaan inisiatif ke arah membentuk bandaraya yang lestari dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bersama Nestlé Products Sdn. Bhd. dan KPT Recycle Sdn. Bhd. bagi Program Kutipan Kitar Semula Kaedah Pintu Ke Pintu pada 6 Oktober 2021 (Rabu) bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ.

Memorandum ini telah dimeterai dan disempurnakan oleh YBhg. TPr. Noraini binti Roslan, Datuk Bandar dan YDH Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Yeop Hashim, Ahli Majlis mewakili pihak MBSJ bersama Mr. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé Malaysia Berhad dan YBhg. Dato' Adnan Pawanteh, Pengarah Eksekutif Hal-Ehwal Korporat, Nestle Malaysia Berhad beserta Encik Lee Chay Chen dan Encik Lee Kuang Chen, Pengarah KPT Recycle Sdn. Bhd.

Program kitar semula kaedah pintu ke pintu merupakan inisiatif sukarela Tanggungjawab Lanjutan Pengeluar (EPR) Nestle Malaysia dalam usaha mengurangkan pengeluaran sisa isi rumah sekaligus melaksanakan sistem pengurusan sisa pepejal yang lebih berkesan dan bersepadu di kawasan bandaraya. Selain itu, program ini juga dilihat dapat meningkatkan keprihatinan terhadap kepentingan amalan kitar semula dalam kalangan komuniti setempat dalam usaha membentuk masa depan





yang bebas daripada sisa buangan. Fasa pertama program ini telah dilaksanakan bermula 4 Oktober 2021 di kawasan perumahan teres di Subang Jaya yang melibatkan kawasan Zon 1 dan Zon 4 iaitu USJ 3, USJ 3A-3D, USJ 6 dan SS12. Program perintis ini dijangka dapat memanfaatkan sekurang-kurangnya 5,500 isi rumah dan mensasarkan sehingga 8,500 isi rumah, melibatkan kawasan Zon 3 dan Zon 6 menjelang akhir tahun.

YBhg TPr. Noraini Binti Roslan, Datuk Bandar MBSJ menjelaskan setiap tahun, Malaysia menghasilkan 14 juta sisa pepejal perbandaran, dengan sebahagian besar daripadanya merupakan sisa makanan dan plastik. "Walaupun MBSJ telah menggiatkan usaha pengurusan sisa untuk meningkatkan jumlah sisa kitar semula yang dikumpulkan, tindakan lanjut mesti diambil untuk meningkatkan kadar kitar semula, terutamanya dalam kalangan isi rumah,"

"MBSJ mengalu-alukan dan amat berbesar hati dengan program kerjasama ini. Sehubungan dengan itu, program kerjasama bersama Nestle Malaysia dan KPT Recycle Sdn Bhd ini diharapkan akan mendapat maklumbalas dan sokongan yang baik daripada penduduk serta dapat diperluaskan lagi ke kawasan perumahan lain," ujarnya.

Encik Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestle (Malaysia) Berhad mengulas, "Peningkatan kitar semula menerusi peningkatan pengasingan dan pengumpulan di peringkat akar umbi seperti ini adalah elemen utama ke arah mencapai komitmen jangka panjang kami terhadap kelestarian. Kami sukacita untuk bekerjasama dengan MBSJ untuk terus meluaskan liputan kawasan projek kutipan kutipan

di kaki lima kami. Program ini bukan sahaja memudahkan penduduk untuk mengitar semula, tetapi juga menyediakan platform yang sesuai untuk mendidik penduduk tentang langkah kitar semula berkesan dan cara membezakan bahan kitar semula dan bukan kitar semula."

"Sejak pelancaran tahun 2020, kami mencatatkan penyertaan hampir 80% isi rumah, dengan mengumpul hampir 600 tan bahan kitar semula kering campuran (DMR). Ini membuktikan bahawa dengan proses dan panduan sewajarnya, rakyat Malaysia sanggup menyertai usaha kitar semula. Kami ingin meningkatkan liputan kepada kawasan kediaman yang lebih luas sejajar dengan wawasan kami untuk memastikan tiada pembungkusan, termasuk plastic, berakhir di tapak pelupusan sampah atau dibuang sebagai sampah sarap, dan juga meningkatkan usaha mengurangkan penggunaan dan ketergantungan kepada plastik mentah" ujarnya.

Sebagai makluman, selain daripada program kitar semula kaedah pintu ke pintu, sebelum ini MBSJ turut bekerjasama dengan Tetra Pak Malaysia dalam pelaksanaan aktiviti kitar semula dengan penempatan lima (5) kabin kitar semula di beberapa kawasan dalam kawasan pentadbiran MBSJ. Jumlah kutipan kitar semula dari kabin tersebut bagi bulan Januari hingga September 2021 adalah sebanyak 29,673 kilogram.

Sehingga September 2021 jumlah keseluruhan kitar semula di seluruh kawasan MBSJ adalah sebanyak 36,591.64 tan bersamaan 15.22%. MBSJ berharap melalui inisiatif yang dilaksanakan bersama komuniti dan kerjasama rakan sinergi dapat meningkatkan amalan dan kadar kitar semula, seterusnya menjadikan Bandaraya Subang Jaya sebuah bandaraya lestari yang menyumbang kepada ekonomi kitaran.



Mr. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestle Malaysia Berhad menyampaikan penghargaan kepada TPr. Noraini Binti Roslan atas jalinan kerjasama di antara Nestle Malaysia dan MBSJ.

SAMBUTAN ULANG TAHUN

P E R T A M A

BANDARAYA SUBANG JAYA

Sambutan ULANG TAHUN PERTAMA MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA



Kecemerlangan MBSJ dalam memberi perkhidmatan terbaik telah memberi impak yang positif kepada imej dan reputasi organisasi sehingga telah dinaiktaraf sebagai Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

Kini, genaplah setahun MBSJ bergelar bandar raya. Satu majlis sambutan ulang tahun pertama Majlis Bandaraya Subang Jaya telah diadakan pada 20 Oktober 2021. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. TPr. Noraini binti Roslan, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) bertempat di Dewan Kenanga, Ibu Pejabat MBSJ dan dihadiri oleh Ahli Majlis dan Pengurusan Tertinggi MBSJ. Majlis sambutan ini telah dijalankan secara hibrid dan ia turut disiarkan secara langsung dan boleh ditonton melalui platform Live Facebook Majlis Bandaraya Subang Jaya.

TPr. Noraini binti Roslan di dalam ucapannya turut menzahirkan penghargaan beliau kepada semua warga kerja MBSJ dan pemegang taruh di Subang Jaya kerana berjaya mengharungi tempoh pandemik yang sukar. Walaupun terdapat pertambahan tugas diluar bidang, kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan pembangunan yang merupakan fungsi utama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ini tetap berjalan seperti biasa.

Beliau juga turut menyatakan kesyukuran sepanjang tempoh 365 hari bergelar bandar raya, MBSJ telah dapat menyesuaikan diri menggalas tanggungjawab

dengan mempraktikkan norma baharu serta menambah nilai empati dan cakna dengan keadaan sekeliling bagi memastikan tiada golongan yang tertinggal dalam melalui tempoh yang sukar ini.

MBSJ terus komited dalam menguruskan bandar raya berteraskan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) di mana MBSJ merupakan peneraju PBT di Malaysia yang telah berjaya membentangkan pelaporan VLR (Voluntary Local Review) diperingkat global. Laporan ini, merupakan sebahagian komitmen MBSJ dalam mencapai bandar raya bertaraf antarabangsa dengan melaksanakan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) sekaligus mencapai sasaran dan indikator global yang telah ditetapkan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Bersempena sambutan ulang tahun yang pertama, MBSJ telah merencana pelbagai program dan tawaran insentif yang telah dilaksanakan bermula 20 Oktober 2021 hingga Disember 2021. Perancangan sambutan ini bertujuan untuk menyemarakkan rasa kepunyaan bandar raya dikalangan komuniti sekaligus mempromosikan kejayaan dan pencapaian MBSJ dan sebagai tanda penghargaan kepada pemegang taruh yang banyak memberikan sokongan dan galakkan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan MBSJ.



Polisi ANTI RASUAH MBSJ KEKANG KEGIATAN RASUAH

Empayar Rom, Empayar Uthmaniah, Dinasti Ming dan Kesultanan Melayu Melaka

Kesemuanya merupakan empayar besar yang telah menggoncangkan dunia. Namun punca kejatuhannya cuma satu. **RASUAH.**

Mengikut takrifan Akta SPRM 2009 (Akta 694) RASUAH membawa maksud tindakan **memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan** secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

Rasuah bukannya satu perkara yang boleh dipandang enteng. Ianya memberikan impak yang besar di dalam kehidupan. Ini kerana sebuah keluarga boleh bercerai-berai, sebuah Organisasi boleh runtuh hanya kerananya. Ianya ibarat kanser yang boleh membunuh individu atau Organisasi.

Kerana itulah KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah mengingatkan rakyat jelata betapa bahayanya rasuah ini pada 11 Mac 2019 yang lalu.

"Dalam kita mengejar kemajuan, integriti dan nilai-nilai murni hendaklah terus dititikberatkan. Beta mahu gejala rasuah terus diperangi kerana rasuah membebankan rakyat dan meruntuhkan asas sesebuah negara."

Memandang serius kesan yang ditinggalkan akibat rasuah, Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) telah menggunakan 'Dasar Toleransi Sifar (Zero Tolerance Policy)' terhadap segala bentuk aktiviti rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di dalam jentera pentadbirannya.

MBSJ telah memperkasakan usaha memerangi rasuah dengan mewujudkan Unit Integriti MBSJ yang telah ditubuhkan secara rasmi pada 2 Januari 2015 di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 iaitu Penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam.

Unit ini ditubuhkan bagi memastikan polisi antirasuah dijalankan dengan sempurna selaras dengan dasar polisi anti rasuah MBSJ iaitu:

"MBSJ komited ke arah pengukuhan integriti dengan mengaplikasikan konsep penambahbaikan berterusan berteraskan Sistem Pengurusan Antirasuah bagi memenuhi keperluan stakeholders,"

Unit Integriti MBSJ selaku pihak yang bertanggungjawab telah memberi penekanan kepada tiga elemen penting memerangi rasuah iaitu **PENCEGAHAN, PENDIDIKAN SERTA PENGUATKUASAAN.**

Usaha memerangi rasuah ini memerlukan usaha yang berterusan dan kerana itulah MBSJ telah mewujudkan Polisi Antirasuah MBSJ.

POLISI ANTIRASUAH MBSJ

Polisi Antirasuah MBSJ yang diwujudkan ini menghuraikan dasar antirasuah dan memberi panduan kepada semua pegawai dan kakitangan tentang kaedah menangani permohonan yang tidak wajar berkaitan dengan aktiviti suapan dan kegiatan rasuah yang berpotensi untuk berlaku dalam menjalankan tugas seharian.

Ianya menjadi kerangka utama terhadap prosedur bagaimana MBSJ dan semua pegawai serta kakitangan boleh menangani kes-kes suapan, rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan di mana garis panduan yang disediakan adalah untuk mencegah berlakunya aktiviti rasuah daipada berakar umbi.

OBJEKTIF

Penyediaan polisi ini bukannya sesuatu yang dibuat secara bersahaja. Kerangka polisi ini dibina bagi menyediakan halatuju serta tindakan pencegahan yang berstruktur dan jelas.

Selain itu juga, polisi ini dicipta bagi meningkatkan integriti di kalangan warga MBSJ serta menunjukkan komitmen MBSJ sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang bebas rasuah dan berintegriti.

PEMAKAIAN POLISI

Polisi ini bukan hanya terpakai kepada kakitangan MBSJ, bahkan ianya turut merangkumi pihak pengurusan MBSJ serta pemegang taruh MBSJ.

KANDUNGAN POLISI

Polis Antirasuah MBSJ ini mengandungi rangkuman beberapa garis panduan bagi mengekang kemungkinan berlakunya aktiviti rasuah di kalangan warga MBSJ.

Di antara garis panduan yang terdapat di dalam polisi ini adalah seperti berikut:

- a) Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah Majlis Bandaraya Subang Jaya
- b) Garis Panduan Menjalankan Pekerjaan Luar Bagi Pegawai dan Kakitangan MBSJ
- c) Garis Panduan Penerapan Etika Penggunaan Media Sosial Pegawai dan Kakitangan MBSJ
- d) Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan
- e) Pengambilan Pekerja serta
- f) Polisi *Whistleblowing*

PERANAN DAN TINDAKAN WARGA MBSJ

Usaha membanteras rasuah sehingga ke akar umbi ini memerlukan penglibatan semua pihak. Baik kakitangan bawahan sehingga ke peringkat pengurusan. Semua pihak bertanggungjawab dengan mengamalkan integriti dalam pelaksanaan tugas.

Inisiatif pencegahan dalam warga MBSJ ke arah toleransi sifar terhadap rasuah boleh dilaksanakan dengan mengambil tindakan seperti berikut:

a) JANGAN MINTA

Warga MBSJ DILARANG MEMINTA ATAU MENERIMA apa-apa bentuk suapan

b) TOLAK

Warga MBSJ hendaklah MENOLAK apa-apa tawaran atau pemberian rasuah

c) LAPORKAN

Sekiranya terdapat sebarang perlakuan RASUAH, kakitangan perlu SEGERA MELAPORKAN kepada Unit Integriti MBSJ.

MELAPORKAN ADUAN

Setiap aduan, laporan atau maklumat boleh disalurkan melalui surat, emel atau telefon sebelum perjumpaan bersemuka dijalankan dengan menunjukan aduan tersebut secara spesifik kepada Unit Integriti MBSJ.

Setiap aduan yang dikemukakan, pengadu perlu:

a) Mengisi Borang Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dengan memberikan butiran asas seperti berikut:

- Siapakah yang terlibat?
- Bilakah kejadian berlaku?
- Di manakah kejadian berlaku?
- Apakah kesalahan yang berlaku?
- Mengapa kesalahan berlaku?
- Bagaimanakah kesalahan berlaku?
- Saksi atau dokumen berkaitan (sekiranya ada)

b) Menghantar terus borang kepada pegawai yang diberi kuasa untuk menerima aduan atau pendedahan mengenai kelakuan tidak wajar.

PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT DAN MAKLUMAT

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) merupakan Akta untuk memerangi rasuah serta ianya melindungi orang yang membuat pengaduan daripada tindakan yang memudaratkan.

Namun perlindungan ke atas pemberi maklumat boleh terbatal sekiranya:

- a) Pemberi maklumat terlibat perlakuan yang tidak wajar
- b) Pemberi maklumat dengan sengaja memberikan kenyataan palsu
- c) Pendedahan maklumat berniat jahat
- d) Pendedahan maklumat adalah perkara remeh dan menyusahkan.

TINDAKAN TERHADAP PENGADUAN PALSU:

Sebarang aduan, laporan atau maklumat palsu dan atau sengaja membuat tohmahan dan atau berunsur fitnah atau dibuat samada untuk menjatuhkan imej seseorang pekerja atau imej MBSJ dan atau untuk apa-apa tujuan lain sekalipun dan penyalahgunaan mekanisme sistem pemberi maklumat, adalah merupakan satu KESALAHAN dan tindakan tatatertib boleh diambil ke atas pemberi maklumat palsu terbabit.

PENUTUP

Adalah diharapkan dengan penguatkuasaan Polisi Antirasuah MBSJ ini sedikit sebanyak dapat mengekang aktiviti rasuah dan meningkatkan integriti di kalangan warga MBSJ.

WARNA-WARNI KOMUNITI



MPP ZON 1
13 Oktober 2021 (Rabu)
JALAN SS 18/4

Program Tanam Pokok Bersama
Jabatan Landskap dan KRT



MPP ZON 2
24 Oktober 2021 (Ahad)
BALAI MASYARAKAT MPP 2

Sumbangan Tepung Muruku
Deepavali



MPP ZON 3
4 Oktober 2022
Court 3, 4 dan 5

Program Pengedaran Bantuan
Makanan Kepada 122 Keluarga
di Court 3,4 dan 5



MPP ZON 4
4 Oktober 2022 (Isnin)
Rumah KIDS USJ 1

Sumbangan Makanan Lasagna
dan Donut



MPP ZON 7
16 Oktober 2022 (Isnin)
Kampung Bukit Lanchong

Program Kayuhan Santai Kampung
Tradisi Bukit Lanchong dan Agihan
Keperluan Asas



MPP ZON 8
23.10.2021 (Sabtu)
Balai Masyarakat MPP 8

Sumbangan Prihatin Komuniti



MPP ZON 9
24.10.2021 (Ahad)
Balai Masyarakat MPP 9

Program Sumbangan Bakul
Deepavali



MPP ZON 10
10.10.2021 (Ahad)
Balai Masyarakat Puchong
Jaya

Program Dapur Makanan



MPP ZON 11
23.10.2021 (Isnin)
Balai Masyarakat Taman Mawar

Program Sumbangan Sempena
Perayaan Deepavali



MPP ZON 13
08.09.2021 (Rabu)
Balai Masyarakat Jalan
Perdana 4/2A

Foodbank Kuarantin MPP Zon 13
Peruntukan Parlimen Subang



MPP ZON 16
03.10.2021 (Ahad)
Balai Masyarakat MPP

Sumbangan Barangan Asas



MPP ZON 18
17.10.2021 (Ahad)
Sekolah Jenis Kebangsaan
Tamil BK 1

Program Pemberian Bantuan
Makanan Kepada Keluarga Murid
Sekolah Jenis Tamil BK 1



MPP ZON 24
23.10.2021 (Sabtu)
Pangsapuri Cempaka

Program Pengenalan Hidroponik
Komuniti Bersama AJK Pangsapuri
Angkat

Tahukah Anda?

Tahukah Anda?



PEMAJUAN YANG DIJALANKAN TANPA MENDAPAT KEBENARAN MERANCANG DARIPADA MAJLIS

**HUKUMAN
DENDA TIDAK MELEBIHI**

RM100,000.00

**DAN / ATAU PENJARA TIDAK MELEBIHI 6 BULAN
DAN
DENDA HARIAN TIDAK MELEBIHI RM5,000.00**

PATUHI UNDANG-UNDANG UNTUK MEMBINA MASYARAKAT MADANI

Majlis Bandaraya Subang Jaya | sjcitycouncil | sjcitycouncil | majlisbandarayasubangjaya

Tahukah Anda?



MEMBIARKAN RUMAH, BANGUNAN, ATAU TANAH DALAM KEADAAN KOTOR

**HUKUMAN
DENDA TIDAK MELEBIHI**

RM1,000.00

**DAN / ATAU PENJARA TIDAK MELEBIHI 6 BULAN
DAN
DENDA HARIAN TIDAK MELEBIHI RM100.00**

PATUHI UNDANG-UNDANG UNTUK MEMBINA MASYARAKAT MADANI

Majlis Bandaraya Subang Jaya | sjcitycouncil | sjcitycouncil | majlisbandarayasubangjaya

Tahukah Anda?



MENGENDALIKAN HOTEL TANPA LESEN DARIPADA MAJLIS

**HUKUMAN
DENDA TIDAK MELEBIHI**

RM2,000.00

**DAN / ATAU PENJARA TIDAK MELEBIHI
1 TAHUN**

PATUHI UNDANG-UNDANG UNTUK MEMBINA MASYARAKAT MADANI

Majlis Bandaraya Subang Jaya | sjcitycouncil | sjcitycouncil | majlisbandarayasubangjaya

Tahukah Anda?



MELETAKKAN KERETA TANPA MEMBAYAR CAJ LETAK KERETA YANG DITETAPKAN

**HUKUMAN
DENDA TIDAK MELEBIHI**

RM300.00

PATUHI UNDANG-UNDANG UNTUK MEMBINA MASYARAKAT MADANI

Majlis Bandaraya Subang Jaya | sjcitycouncil | sjcitycouncil | majlisbandarayasubangjaya



SAMBUTAN ULANG TAHUN

P E R T A M A

BANDARAYA SUBANG JAYA

20 OKTOBER 2021

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBSJ.

DITERBITKAN OLEH:

Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya Selangor.